



## **KENYATAAN MEDIA BUKU AKAN TERBIT**

### **Buku Imam Mahdi**

Selepas penghasilan buku *Adakah Kawanku Syiah dan Agenda Politik Syiah*, Dr. Kamaluddin Nurdin Marjuni, seorang pensyarah program Akidah dan Agama, USIM, bidang kepakaran kajian akidah Syiah, tampil dengan buku terbaru beliau, iaitu Imam Mahdi. Buku ini dijangka terbit pada bulan Februari 2016. Penulis mendapat idea dengan melihat banyak buku tentang Imam Mahdi, namun ditulis secara bukan ilmiah dan tiada kajian perbandingan antara Sunni dan Syiah. Kemudian, beliau tertarik bagi menjelaskan dan mengupas permasalahan Imam Mahdi secara ilmiah dari perspektif Sunni dan Syiah.

Menerusi buku terbaru ini, pembaca awam akan mendapatkan maklumat yang bersifat ilmiah dan perbandingan mengenai pandangan dua golongan besar dalam Islam, iaitu Ahli Sunnah dan Syiah. Terlebih lagi Imam Mahdi adalah satu polemik besar dijadikan sebagai pembahasan aktual. Beberapa masalah lahir akibat daripada kepercayaan terhadap kemunculan Imam Mahdi, seperti orang yang sengaja mengaku Imam Mahdi, sehingga sentiasa diulas dan dibicarakan dalam masyarakat. Dan dalam kalangan intelektual sendiri, Imam Mahdi dijadikan sebagai perbincangan yang menarik secara ilmiah.

Keistimewaan buku ini adalah ia sebuah buku Melayu yang pertama di Nusantara membahaskan tentang Imam Mahdi dalam bentuk perbandingan dari perspektif Sunni Syiah secara terperinci dan ilmiah. Antara buku-buku rujukan yang digunakan adalah, *Mausuu'ah Al-Imam Al-Mahdi*, *Ayatullah Al-Sayyid Muhammad Al-Sadr*; *Al-Imam al-Mahdi min Al-Mahd ilâ Azh-Zhuhûr*, *Al-Sayyid Kadzim Al-Qazawaini*, *Baqiyatullah*, *Muhamad Muhibi Al-Musawi Al-Khalkhali*, dan lain-lain.

AMIRATUL AWATIF GHAZALI

Konsultan Buku PTS Media Group Sdn. Bhd.

H/P: 016-661 1974

E-mel: awatif@pts.com.my